



**PERUTUSAN PANGLIMA TENTERA UDARA
SEMPENA HARI ULANG TAHUN TUDM KE-61
DI DEWAN ABABIL, PANGKALAN UDARA SUBANG
PADA 1 JUN 2019**

"KUASA UDARA, KEPENTINGAN NASIONAL"

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ALHAMDULILLAHI RABBIL ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU ALA
SAYYIDINA MUHAMMADIN ASHRAFIL ANBIYA I WAL MURSALIN WA ALA

ALIHI WASOHBIBI AJMAIN

YBHG LT JEN DATO' SRI ACKBAL BIN HAJI ABDUL SAMAD TUDM, TIMBALAN
PANGLIMA TENTERA UDARA,
PANGLIMA OPERASI UDARA,
PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN UDARA,
PANGLIMA BANTUAN UDARA,
PANGLIMA - PANGLIMA MARKAS FORMASI, KOMANDER - KOMANDER,
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN, MANTAN-MANTAN PANGLIMA TENTERA
UDARA, HADIRIN YANG DIRAHMATI SEKALIAN.
SELURUH WARGA TUDM YANG SAYA KASIHI,

SEGALA PUJIAN BAGI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, TUHAN SEKALIAN ALAM, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU' ALAIHI WASSALAM.

MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN SETINGGI TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DI ATAS KURNIAAN RAHMAT, KEIZINAN DAN INAYAH-NYA, DAPAT KITA BERKUMPUL DI DEWAN ABABIL PANGKALAN UDARA SUBANG, PADA PAGI YANG BARAQAH INI, TANGGAL 1 JUN 2019 BERSAMAAN DENGAN 27 RAMADHAN 1440 HIJRIAH, DALAM SATU MAJLIS YANG SEDERHANA TETAPI AMAT BERMAKNA KEPADA SELURUH WARGA TUDM, IAITU **MAJLIS SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE-61, TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA**, YANG AMAT KITA CINTAI INI.

WARGA TUDM YANG SAYA KASIHI SEKELIAN,

PADA TANGGAL 22 MEI 2019 YANG LALU, KITA DIKEJUTKAN DENGAN BERITA **KEMANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL MU'ADZAM SHAH, KOLONEL YANG DI-PERTUA TUDM**. PEMERGIAN ALMARHUM MERUPAKAN SATU KEHILANGAN BESAR KEPADA SELURUH NEGARA SERTA NEGERI PAHANG AMNYA DAN JUGA KEPADA TUDM KHUSUSNYA.

JASA ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SULTAN AHMAD SHAH KEPADA TUDM TERLALU BESAR UNTUK DIUKUR DAN SEMASA HAYATNYA, ALMARHUM SENTIASA MENGIKUTI PERKEMBANGAN TUDM DAN SESUNGGUHNYA, TUDM SANGAT DEKAT DI HATI BELIAU.

SELAIN ITU, DALAM KITA MERAIKAN HARI ULANG TAHUN TUDM KE-61 PADA PAGI YANG MULIA INI, SAYA JUGA INGIN MENGAJAK KEPADA SELURUH WARGA TUDM UNTUK BERSAMA-SAMA MENGENANG RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN KITA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA. SESUNGGUHNYA JASA BAKTI YANG DITABUR MEREKA TIDAK LUPUT DARI INGATAN KITA SEMUA WARGA TUDM PADA HARI INI.

JUSTERU, DI HARI YANG PENUH BERMAKNA INI, BAGI YANG BERAGAMA ISLAM MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGHADIAHKAN **BACAAN SURAH AL-FATIHAH** SERTA MENDOAKAN AGAR ROH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH DAN JUGA SEKALIAN SAHABAT, HANDAI DAN TAULAN YANG TELAH MENINGGALKAN KITA, DICUCURI RAHMAT DAN DITEMPATKAN DI KALANGAN PARA SYUHADA. BAGI YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMBERIKAN PENGHORMATAN DENGAN **BERTAFAKUR SEJENAK** BAGI MENGENANG MEREKA YANG TELAH PERGI MENDAHULUI KITA.

AL-FATIHAH

WARGA TUDM DAN HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

IZINKAN SAYA UNTUK TERLEBIH DAHULU MENZAHIRKAN RASA KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA TUDM HARI INI TELAH MENJANGKAU USIA 61 TAHUN. **DALAM 61 TAHUN PERKHIDMATANNYA KEPADA NEGARA, TUDM TELAH MELALUI BEBERAPA ERA TRANSFORMASI DAN SEMAKIN MATANG.** TUDM KINI BUKAN LAGI SEBUAH PASUKAN KECIL SEPERTI DI AWAL PENUBUHANNYA PADA 1 JUN 1958 DAN JUGA BUKAN LAGI PASUKAN SOKONGAN SEPERTI PADA TAHUN 70an DAN 80an. TUDM TELAH MELALUI ERA PEMODENAN PADA TAHUN 90an DAN KINI KITA SEDANG MENGHAMPIRI PENGHUJUNG ERA TRANSFORMASI ***AIR FORCE NEXT GENERATION*** BAGI MENCAPAI ***TAHAP FULL SPECTRUM AIR FORCE***. PELAN TRANSFORMASI AFNG INI, SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, BAKAL MELABUHKAN TIRAINYA PADA TAHUN 2020.

MENJELANG TAHUN 2021, **AKAN BERMULAH ERA BAHARU TUDM MELALUI PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK CAP55,** DIMANA TUDM AKAN MENGORAK LANGKAH UNTUK MENJADI SEBUAH KUASA UDARA ***FULL SPECTRUM*** YANG MEMILIKI KEUPAYAAN YANG LEBIH TINGGI, LEBIH FOKUS, SERTA BERORIENTASIKAN ***EFFECT BASED OPERATION***.

DALAM ERTI KATA LAIN, DENGAN PELAKSANAAN CAP55, WALAUPUN TUDM HANYALAH SEBUAH KETUMBUKAN BERSAIZ SEDERHANA, NAMUN IANYA MEMPUNYAI KEMAMPUAN YANG TINGGI DAN BERUPAYA "**TO PUNCH ABOVE ITS WEIGHT**" DI RANTAU INI.

PELAN CAP 55 INI ADALAH SATU PELAN JANGKA PANJANG TRANSFORMASI KEUPAYAAN TUDM DARI TAHUN 2021 SEHINGGA 2055. KEUPAYAAN TUDM AKAN DIBANGUNKAN DAN DISELARASKAN DEMI MENJADIKAN TUDM SEBUAH KETUMBUKAN YANG LEBIH EFEKTIF DAN EFISYEN MELALUI PENGSTRUKTURAN SEMULA ASET-ASET UTAMA DAN SOKONGAN SEDIA ADA DAN AKAN DATANG. SELAIN ITU, JUMLAH SERTA LOKASI SKUADRON PENERBANGAN DAN UNIT-UNIT OPERASI AKAN TURUT DISELARASKAN SESUAI DENGAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF CAP55. CAP55 BUKAN SAHAJA BAKAL MERANGKUMI PEMBANGUNAN KEUPAYAAN MALAHAN TURUT MENCAKUPI 3 TERAS YANG LAIN IAITU - PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PEMBANGUNAN DOKTRIN DAN PENJAJARAN ORGANISASI.

SAYA BERHARAP, CAP55 AKAN DAPAT DILAKSANAKAN SEBAIK MUNGKIN DAN VISI TUDM SEBAGAI SEBUAH KUASA UDARA YANG DOMINAN AKAN TERUS DILESTARIKAN DENGAN KERJASAMA DAN KOMITMEN SELURUH WARGA TUDM.

SAYA JUGA YAKIN, DENGAN KEMATANGAN YANG ADA PADA TUDM, KITA MAMPU MEREALISASIKAN MATLAMAT SERTA OBJEKTIF CAP55 BAGI

MENERUSKAN KELANGSUNGAN TUDM SEBAGAI KUASA UDARA YANG MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN DAN KEPENTINGAN NASIONAL.

WARGA TUDM DAN HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

BERBEZA SEDIKIT DENGAN TEMA YANG LALU, TEMA YANG DIPILIH BAGI MERAIKAN HARI ULANG TAHUN TUDM PADA KALI INI ADALAH "**KUASA UDARA, KEPENTINGAN NASIONAL**". SAYA BERPANDANGAN BAHAWA TEMA INI AMAT BERTEPATAN DENGAN SENARIO KESELAMATAN SERTA PERTAHANAN NEGARA DAN SERANTAU MASA KINI. KUASA UDARA BUKAN SAHAJA ADALAH SATU KEPERLUAN MALAH IANYA TELAH MENJADI SATU KEUTAMAAN BAGI PERTAHANAN SESEBUAH NEGARA. INI ADALAH DISEBABKAN OLEH SIFAT-SIFAT KUASA UDARA ITU SENDIRI YANG UNIK SEPERTI *REACH*, *SPEED* DAN *FLEXIBILITY* YANG MENJADIKAN **KUASA UDARA SATU INSTRUMEN YANG SANGAT BERKEMAMPUAN LAGI BERKESAN DALAM MENANGANI SEBARANG ANCAMAN.**

DALAM ERA MASA KINI, SEPERTI YANG KITA SEDIA MAKLUM, SPEKTRUM TUGAS DAN PERANAN TUDM ADALAH LEBIH MELUAS. SEBAGAI SEBUAH KETUMBUKAN UDARA YANG MODEN,

SELAIN DARI MEMILIKI KEUPAYAAN TEMPUR YANG BERWIBAWA, KEKUATAN TUDM TURUT DIDOKONG OLEH KEUPAYAAN MELAKSANAKAN PERANAN YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA, IAITU PELAKSANAAN MISI-

MISI DIPLOMASI PERTAHANAN YANG BERFUNGSI SEBAGAI *CONFIDENCE BUILDING MEASURE* BAGI MENJAMIN KESTABILAN DAN KESELAMATAN SERANTAU DAN GLOBAL.

DALAM KONTEKS INI, SECARA HOLISTIKNYA, TUGAS DAN PERANAN TUDM ADALAH KRITIKAL DARI ASPEK KESELAMATAN DAN PERTAHANAN NEGARA. SEHUBUNGAN ITU, SUKA SAYA TEKANKAN BAHAWA, TUDM ADALAH SEBUAH ORGANISASI YANG MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN NASIONAL DAN PADA MASA YANG SAMA, TUDM ITU SENDIRI JUGA SEBENARNYA MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA KEPENTINGAN NASIONAL.

WARGA TUDM YANG DIHORMATI SEKELIAN,

DALAM MEMPERKATAKAN TENTANG AFNG, CAP55 SERTA MISI DAN VISI TUDM, SAYA PERLU MEMBERIKAN PENEKANAN TENTANG PENTINGNYA BAGI WARGA TUDM UNTUK TERUS **MEMBUDAYAKAN NILAI TERAS** AGAR IANYA TERUS SEBATI DI DALAM ORGANISASI DAN DIKALANGAN SELURUH WARGA TUDM.

INI ADALAH PENTING BAGI MEMASTIKAN TUDM MEMILIKI WARGA YANG BERKUALITI UNTUK MENGHARUNGI CABARAN MASA HADAPAN YANG SEMESTINYA LEBIH MENCABAR. WARGA TUDM YANG BERKUALITI

AKAN MENJAMIN PENCAPAIAN KEBERHASILAN DALAM SETIAP KPI YANG TELAH DISASARKAN.

SELAIN ITU, SAYA JUGA BERHARAP SEGALA **PELAN TINDAKAN** YANG TELAH DIFORMULASIKAN UNTUK MENINGKATKAN PENCAPAIAN TUDM SERTA SEGALA **PERANCANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN DAN DIPERSETUJUI DALAM MESYUARAT PEMERINTAHAN** SAYA YANG LALU AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN BAGI MENCAPAI SASARAN-SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN UNTUK TAHUN 2019 INI.

WARGA TUDM SEKELIAN,

PADA 26-30 MAC 2019 YANG LALU, **TUDM TELAH MENGANJURKAN PAMERAN UDARA DAN MARITIM ANTARABANGSA - LIMA 2019**, DI LANGKAWI, KEDAH. PENGANJURAN TERSEBUT TELAH DILAKSANAKAN DENGAN SANGAT BAIK DAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DARI PELBAGAI PIHAK TERMASUK DARI PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN, MENTERI PERTAHANAN, MEDIA MASSA SERTA MASYARAKAT UMUM DAN ANTARABANGSA. SAYA AMAT BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN INI, YANG MANA TELAH MENAIKKAN IMEJ DAN MENGHARUMKAN NAMA TUDM SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI PERTAHANAN YANG PROFESIONAL DAN BERWIBAWA.

SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI, UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK DALAM TUDM

YANG TELAH MENYUMBANG SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG KEPADA KEJAYAAN PENGANJURAN LIMA 2019. SAYA AMAT BERTERIMA KASIH KEPADA TIMBALAN SAYA DAN PANGLIMA OPERASI YANG BANYAK MEMBANTU DALAM MENJAYAKAN EDISI LIMA KALI INI. KEPADA SELURUH KEPIMPINAN TUDM DI SELURUH PERINGKAT PEMERINTAHAN, TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA DAN KOMITMEN YANG TELAH DIBERIKAN. KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR, TIM-TIM KHAS YANG DIWUJUDKAN SERTA SELURUH WARGA TUDM YANG TERLIBAT, SEKALUNG PENGHARGAAN DARI SAYA. SAYA BERHARAP DALAM PENGANJURAN LIMA YANG AKAN DATANG, TUDM AKAN TERUS CEMERLANG MALAH MAMPU MELAKSANAKANNYA DENGAN LEBIH BAIK. SAYA YAKIN BAHAWA KEMATANGAN TUDM ADALAH ANTARA FAKTOR KEJAYAAN KITA DI DALAM PENGANJURAN LIMA 2019. *THE SUCCESS CANNOT BE ACHIEVED WITHOUT YOU GIVING YOUR BEST, YOU ARE PART OFF ALL THIS SUCCESS STORY, THANK YOU.*

WARGA TUDM YANG DIKASIHI SEKELIAN,

BARU-BARU INI, TUDM TELAH MENGANJURKAN **RMAF 10KM CHALLENGE** BAGI KATEGORI PEGAWAI BERPANGKAT LT KOL KEATAS. *I THINK ALL OF US HAD FUN THAT MORNING WHILE HAVING A PRETTY GOOD CARDIO. ANYWAY, WE HAVE STARTED THE BALL ROLLING AND SOON WE ARE GOING TO ORGANIZE THIS 10KM CHALLENGE FOR THE REST OF THE RMAF PERSONNEL.*

TUJUAN MELAKSANAKAN AKTIVITI INI ADALAH UNTUK MENYUNTIK KESEDARAN DIKALANGAN WARGA TUDM TENTANG KEPENTINGAN UNTUK MEMILIH **GAYA HIDUP YANG SIHAT**. TUDM MEMERLUKAN WARGANYA UNTUK MEMPUNYAI *FITNESS* YANG BAIK DAN MINDA YANG CERDAS. OLEH DEMIKIAN, AKTIVITI KARDIO SEPERTI BERJALAN LAJU DAN BERJOGGING BOLEH MEMBANTU WARGA TUDM MENYIHATKAN BADAN DISAMPING MEMBANTU UNTUK MENDAPATKAN **BODY MASS INDEX** SERTA **PENAMPILAN YANG LEBIH BAIK** SERTA MAMPU MENINGKATKAN IMEJ TUDM. TAMBAHAN PULA, INI ADALAH SATU AKTIVITI SIHAT YANG BOLEH DILAKSANAKAN SEKELUARGA YANG TURUT MENJANA UKHWAH KEKELUARGAAN DAN JUGA MENYUMBANG KEPADA WORK-LIFE BALANCE WARGA TUDM SEKALIAN

WARGA TUDM SEKELIAN,

SETELAH LEBIH 3 MINGGU BERPUASA, RAMADHAN BAKAL MELABUHKAN TIRAINYA. SAYA PASTI RAMAI DIKALANGAN KITA YANG AKAN BERECUTI PANJANG DAN MENGAMBIL PELUANG TERSEBUT PULANG KE KAMPUNG HALAMAN MASING-MASING, BAGI MENYAMBUT AIDIL FITRI DISAMPING SANAK SAUDARA DAN SAHABAT HANDAI.

DIKESEMPATAN INI, SAYA, ISTERI DAN KELUARGA SAYA SERTA SELURUH PUCUK PIMPINAN TUDM, INGIN **MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI, MAAF ZAHIR DAN BATIN**, KEPADA SELURUH WARGA TUDM DAN KELUARGA. SEMOGA AIDIL FITRI INI MEMBERIKAN KEGEMBIRAAN DAN KETENANGAN KEPADA KITA SEMUA. SAYA JUGA BERDOA AGAR KITA SEMUA BEROLEH GANJARAN PAHALA SERTA RAHMAT DARI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA UNTUK SEGALA IBADAH YANG DILAKSANAKAN DI BULAN RAMADHAN DAN MENDAPAT KEAMPUNANNYA DI AIDIL FITRI INI. SEMOGA KITA SEMUA DIANUGERAHKAN UMUR BERPANJANGAN UNTUK MENDAPAT BARAQAH RAMADAN SEKALI LAGI TAHUN HADAPAN.

BAGI MEREKA YANG AKAN **MEMANDU PULANG KE KAMPUNG HALAMAN**, SAYA BERHARAP ANDA SEMUA **RANCANGLAH PERJALANAN DENGAN BAIK**. PANDULAH KENDERAAN DENGAN BERHATI-HATI DAN BERHEMAH, BIAR LAMBAT ASALKAN SELAMAT. **KEPADA MEREKA YANG BERTUGAS PADA HARI RAYA** NANTI, SAYA UCAPKAN SELAMAT BERTUGAS. JANGANLAH BERASA GUNDAH GULANA KERANA TIDAK DAPAT PULANG BERHARI RAYA BERSAMA KELUARGA. **SAYA AMAT MENGHARGAI PENGORBANAN ANDA SEMUA YANG BERTUGAS PADA HARI RAYA** NANTI. ANGGAPLAH IANYA SATU PENGORBANAN KEPADA NEGARA DAN BAKAL DIGANJARKAN SEWAJARNYA INSYA ALLAH

WARGA TUDM YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

SEBELUM SAYA MENAMATKAN UCAPAN HARI INI, MARILAH KITA MERENUNG KEMBALI LIKU-LIKU LIPATAN SEJARAH TUDM DAN MENGAMBIL SEMANGAT DARIPADA SETIAP NAFAS PERWIRA, BINTARA DAN PERAJURIT UDARA SEBELUM KITA. SESUNGGUHNYA, 61 TAHUN KEPERKASAAN TUDM DALAM MENJAGA KEAMANAN DAN KEDAULATAN RUANG ANGKASA NEGARA MEMBOLEHKAN RAKYAT MALAYSIA MENIKMATI KEMAKMURAN DAN KEDAMAIAN. JUSTERU, MARILAH KITA BERILTIZAM UNTUK TERUS MENJUNJUNG AMANAH YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN INI DENGAN SEBAIK MUNGKIN AGAR KITA DAPAT MEMPERKASAKAN LAGI TUDM DI MASA HADAPAN.

AKHIR KATA, SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATAALA MEMBERKATI SEGALA USAHA MURNI TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA DAN MENGURNIAKAN KITA DENGAN KECEMERLANGAN, KESELAMATAN DAN KEKUATAN YANG BERTERUSAN, INSYA ALLAH.

“KUASA UDARA, KEPENTINGAN NASIONAL”

“SENTIASA DIANGKASARAYA”

SEKIAN, TERIMA KASIH, WABILLAHU TAUFIK WAL HIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH. DAN SALAM SEJAHTERA.